

MyAgrosis sedia peluang jadi usahawan tani

KELAB Usahawan Siswazah Tani atau lebih dikenali sebagai MyAgrosis menjadi platform paling tepat ke arah mendidik tenaga muda berkemahiran dan berpengetahuan mencebur ke sektor pertanian sekali gus menjadi nadi kepada pengeluaran makanan negara.

MyAgrosis yang diperluaskan ke 20 institusi pengajian tinggi (IPTA) seluruh negara menyasarkan penglibatan 20,000 ahli dalam kalangan pelajar universiti. Dalam fasa seterusnya, keahlian MyAgrosis akan dibuka kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), politeknik dan institut-institut pengajian yang lain.

Penyertaan keahlian digalakkan sejak semester pertama pelajar memasuki IPTA atau institut latihan pertanian (terdapat 11 buah institusi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani). Penglibatan di peringkat awal dapat memantapkan lagi pengalaman serta kemahiran ahli kelab terhadap pelaksanaan projek pertanian.

Terdapat tiga bidang perniagaan tani yang boleh dipilih sebagai asas kepada pendedahan terhadap aktiviti pertanian iaitu Agroladang merangkumi tanaman, akuakultur, ternakan, produk hiliran input pertanian, florikultur dan landskap manakala Agroniaga pula bagi outlet peruncitan statik atau bergerak (seperti K-Shoppe dan Kopie Satu) dan Agroinovasi melibatkan kreatif tani.

Keahlian MyAgrosis juga terbuka kepada siswazah yang telah menamatkan pengajian pada tahun 2010 dan mereka boleh memohon melalui Kelab MyAgrosis di universiti masing-masing dengan yuran pemprosesan keahlian sebanyak RM30.

Apa yang anda perlu tahu tentang MyAgrosis?

Apakah faedah yang diperolehi selepas tamat pengajian?

- Mendapat keutamaan dalam meneruskan program latihan di peringkat lapangan berasaskan kepada perniagaan tani di dalam program Inkubasi Usahawan Tani di bawah kelolaan Universiti Putra Malaysia
- Mendapat keutamaan *green lane* dalam permohonan pinjaman projek pertanian daripada Agrobank dan Tekun Nasional
- Mendapat perkhidmatan bantuan daripada jabatan dan agensi di bawah kementerian
- Mendapat jaringan peluang perkhidmatan, rangkaian dan maklumat pasaran dengan mudah
- Mendapat keutamaan dalam penyertaan

projek-projek pertanian, pembungkusan, pemasaran dan teknologi pertanian

Sekiranya telah menamatkan pengajian dan merupakan ahli MyAgrosis, bagaimanakah cara untuk memohon pinjaman bagi projek-projek pertanian yang akan saya ceburi serta institusi kewangan manakah yang boleh dipohon?

Permohonan pinjaman boleh dikemukakan kepada Agrobank dan Tekun Nasional

Syarat-syarat asas

- Warganegara Malaysia
- Berumur 18 hingga 45 tahun pada tarikh permohonan
- Ahli Kelab MyAgrosis lepasan IPTA, Program Inkubator Usahawan Siswazah Tani UPM dan ILP di bawah kementerian
- Permohonan mesti melalui jabatan atau gensi pembimbing yang telah dipadankan
- Menyediakan kertas kerja projek yang akan dilaksanakan
- Had pembayaran : Agrobank (pinjaman sehingga RM30,000) Tekun Nasional (sehingga RM50,000) tertakluk kepada penilaian keperluan projek
- Untuk keterangan lanjut, hubungi Agrobank di talian 03-27311600 sambungan 2006 (Normala Omar) dan Tekun Nasional di talian 03-90588550 sambungan 211 (Shaiful Sazlee Hairee).



Agenzi dan institusi pengajian tinggi yang terlibat

JABATAN PERTANIAN

- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

JABATAN PERIKANAN

- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

JABATAN PERKHIDMATAN VATERINAR

- Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA)

INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Malaya

LEMABAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

- 14 Cawangan Universiti Teknologi Mara
- Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Malaysia Pahang (UMP)

LEMBAGA PERTUBUHAN

PELADANG (LPP)

- Universiti Sains Malaysia (USM)

LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)

- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)

- Universiti Utara Malaysia (UUM)

- Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)

- Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

AGROBANK

- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Semua institusi pengajian tinggi awam

TEKUN NASIONAL

- Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

- Universiti Islam Malaysia (UIA)

MAJLIS LATIHAN PERTANIAN KEBANGSAAN (NATC)

- 11 Institut Latihan Pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani